

## **Penggunaan tumbuhan ubatan di Kampung Aji Kuning, Sebatik Sabah**

### **ABSTRAK**

Penggunaan tumbuhan ubatan merupakan satu bentuk kebergantungan manusia terhadap sumber semulajadi. Tinjauan awal di Kampung Aji Kuning, Sebatik menunjukkan bahawa amalan menggunakan tumbuhan sebagai ubat masih popular dalam kalangan wanita. Ini kerana ia dianggap mudah digunakan, mudah diperolehi dan murah. Artikel ini bertujuan untuk mendeskripsikan spesies tumbuhan ubatan yang digunakan oleh kaum wanita Bugis di Kampung Aji Kuning, bagi tujuan kesihatan. Kajian lapangan telah dijalankan untuk mengumpul maklumat melalui dua kaedah iatu pemerhatian dan temu bual mendalam melibatkan wanita berketurunan Bugis yang berpengalaman dalam soal berkaitan amalan tumbuhan ubatan. Manakala kajian pengecaman tumbuhan dilakukan di herbarium. Hasil kajian mendapati terdapat 18 spesies daripada 15 famili tumbuhan mempunyai manfaat untuk kesihatan.